
JURNAL ANTARABANGSA PENGAJIAN KEPULAUAN MELAYU JIL. 6 BIL. 01 (2026)
INTERNATIONAL JOURNAL OF MELAYU ARCHIPELAGO STUDIES



**ANALISIS WACANA HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA: PERSPEKTIF
PENGHUBUNG AYAT DAN STRUKTUR TEMA**

Sanat Bin Md. Nasir

PENDAHULUAN

Hikayat Panglima Nikosa (seterus HPN) akan didekati secara analisis wacana dengan perspektif penghubung ayat dan struktur tema. Kertas kerja ini akan menunjukkan bagaimana Penghubung Ayat dapat digunakan antara ayat untuk mencirikan penulisan HPN. Di samping itu, akan digambarkan juga penggunaan tema dalam usaha pengarang HPN mengolah fokus dalam setiap ayat. Untuk itu, akan dibincangkan kajian lampau, metodologi kajian, konsep kajian, dapatan kajian dan perbincangan dan kesimpulan.

Kajian Lampau

Oleh sebab HPN merupakan hikayat yang relatif baharu muncul dalam khalayak walaupun sudah berusia 149 tahun, penelitian terhadapnya masih terhad. Jeniri Amir (2021) telah membicarakan HPN seperti membaca gagasan pemikiran, wawasan, kearifan, serta sikap etnosentrisme dan etnonasionalisme pengarangnya, Ahmad Shawal bin Abdul Hamid¹. HPN dilihat oleh beliau sebagai suatu usaha dokumentasi terhadap sejarah perkembangan tamadun Melayu, yang menggambarkan realiti sosioekonomi, kemajuan dan perkembangan masyarakat di Kuching, Sarawak pada akhir abad ke-19.

Sebaliknya, apabila menjawab soalan daripada khalayak dalam rakaman itu, didapati Jeniri berpendapat usaha pengarang HPN sebagai propagandis Charles Brooke jika dilihat beliau sebagai pegawai Brooke yang mendukung dan melaksanakan usaha Brooke itu. Dalam menolong menjawab sebagai jawapan tambahan daripada khalayak, beliau menyentuh penanda wacana sebagai contoh bahawa beliau percaya *maka* digunakan beratus-ratus kali dalam HPN. Kalau beliau ada masa, beliau ingin menghitungnya. Kertas kerja ini akan mengira “*maka*” yang disebut Penghubung Ayat yang terdapat dalam HPN.

Seterusnya, Fatimah Subet sebagai panel kedua pula ditugaskan untuk melihat aspek bahasa HPN dan beliau dikatakan mengambil pendekatan semantik inkuisitif dalam mengkaji akal budi serta falsafah pemikiran selain etimologi pada nama Nikosa dan istilah seperti *uma*

¹ Sumber diperoleh daripada Bicara Pusaka Bangsa Siri 2/2021 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak yang diadakan secara dalam talian pada Zoom pada 12 Ogos 2021 (Khamis). Bual bicara tersebut menampilkan Dr. Jeniri bin Amir dan Dr. Fatimah binti Subet sebagai ahli panel manakala Dr. Syaidul Azam bin Kamarudin selaku moderator. Rakaman penuh dapat ditonton dengan pautan <https://www.facebook.com/watch/?v=1247828388978661>

daripada *huma* dengan pengguguran *h* dan *lepak* dengan *e-pepet* yang tidak diketahui maknanya². Kata *mulong* dan *lemantak* pula disebut pengaruh masyarakat Melanau.

Terdapat simpulan bahasa seperti *angkat-angkat bujang* yang ditemui bermaksud *akil baligh* dan oleh itu pada akhirnya membuktikan HPN berlatarkan negeri Sarawak. Namun, dalam rakaman bicara itu disentuh makna kata *timur* dalam rangka semantik inkuisitif yang melibatkan Teori Relevans sehingga *timur* itu oleh beliau dikatakan negeri Sarawak. Nikosa pula ditinjau dari sudut etimologi yang melibatkan pelbagai bahasa dan pada akhirnya ditemui berdasarkan numerologi Indonesia yang bermaksud watak yang bercirikan kebaikan. Disebut juga kata penghias atau penanda wacana seperti *alkisah*, *arakan* dan *syahadan*. Kata penghias atau penanda wacana itu dikatakan tidak mempunyai apa-apa makna. Beliau mengusulkan penggunaan kata *beta* yang perlu diteliti sama ada salah terjemahan atau sebaliknya. Dalam hal kata penghias atau penanda wacana ini, akan terjawab dalam kertas kerja ini sama ada tidak mempunyai makna atau sebaliknya.

Metodologi Kajian

Penelitian ini akan menggunakan Model Tautan Pindaan (2002) oleh Sanat dalam melihat penghubung ayat sebagai salah satu upaya tautan. Dalam hal ini, untuk maksud kesederhanaan penghubung ayat hanya dibahagikan kepada empat jenis, iaitu Penghubung Ayat Tambahan, Penghubung Ayat Tentangan, Penghubung ayat Sebab-Musabab dan Penghubung Ayat Waktu. Manakala penelitian tentang tema dalam Struktur Tema pula akan menggunakan Model Halliday (1985) sebagai asas. HPN yang diteliti berdasarkan transliterasi kepada tulisan Rumi yang sedia. Yang tersedia dalam bahan itu pelbagai tanda baca termasuklah titik, koma dan tanda kutip berbanding teks asal yang dalam tulisan Jawi tanpa tanda baca tersebut. Juga, telah tersedia pemerenggan yang dalam analisis ini ditandai dengan tanda pagar #.

Oleh sebab penelitian ini melibatkan penghubung ayat, analisis antara ayat akan dilakukan dengan menombori setiap ayat dari awal hingga akhir teks. Penggunaan jenis penghubung ayat akan ditunjukkan dengan menggunakan singkatan dan lambang. Demikian juga dengan aspek tema dalam struktur tema. Setiap tema akan dikenal pasti pada setiap ayat dengan singkatan dan lambang juga.

Konsep Kajian

Dalam kertas kerja ini akan dipakai “Wacana” sebagai konsep yang merujuk kepada teks yang terdiri daripada dua ayat atau lebih. Dari segi hierarki unit tatabahasa, wacana yang tertinggi.

Dalam hal ini, HPN tentunya sebagai teks atau wacana yang akan ditunjukkan terdiri daripada susunan ayat. Susunan ayat tersebut terbina antara lain daripada hubungan tautan. Dan tautan pula berkonsepkan hubungan antara ayat baik dari segi hubungan semantik mahupun struktur. Tautan terbahagi tiga. Salah satu dinamakan Tautan Penghubung Ayat. Penghubung Ayat pula terbina daripada empat jenis, iaitu Penghubung Ayat Tambahan, Penghubung Ayat Tentangan, Penghubung ayat Sebab-Musabab dan Penghubung Ayat Waktu. Penghubung Ayat Tambahan berfungsi menghubungkan ayat sebelum dengan ayat selepasnya dengan makna bertambah.

Di sinilah menunjukkan makna bertambah itu sebagai makna tatabahasa dan bukan makna leksikal. Contohnya, *dan*, *maka* dan *malah*. Penghubung Ayat Tentangan pula menghubungkan ayat sebelum dengan ayat selepasnya dengan makna bertentangan. Sebagai

² Ibid., 1

contoh, *tetapi*, *namun* dan *bagaimanapun*. Penghubung Ayat Sebab-Musabab menghubungkan ayat sebelum dengan ayat selepasnya dengan makna hubungan sebab. Misalnya, *oleh itu, maka* dan *kerana*. Yang terakhir, Penghubung Ayat Waktu bermaksud menghubungkan ayat sebelum dengan ayat selepasnya dengan makna waktu seperti *maka, lalu* dan *kemudian*.

Struktur Tema mencirikan ayat sebagai mesej. Ayat sebagai struktur mesej terdiri daripada tema dan rema. Tema merujuk kepada kategori formal sebagai unsur konstituen di awal ayat, titik mula ayat sebagai mesej. Tema boleh berupa subjek ayat, keterangan malah penghubung ayat. Manakala Rema pula yang mengikuti tema. Contohnya ayat;

[Ali]-Tema [membaca buku]-Rema.

Ali yang menjadi subjek ayat, iaitu kata nama menjadi tema. Manakala dalam ayat [Membaca buku] Tema [Ali] Rema, iaitu *membaca buku* yang berkategori frasa kerja bertukar tempat di hadapan ayat sebagai tema.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Sebanyak 205 ayat dikenal pasti. Setiap ayat itu pasti mengandungi sama ada penghubung ayat atau tema bukan penghubung ayat. Dapatan menunjukkan seperti yang di bawah:

Jadual 1: Penghubung Ayat Atau

Tema Bukan Penghubung Ayat

Rumus	Analisis
Jumlah Bilangan Penghubung Ayat + Jumlah Bilangan Tema Bukan Penghubung Ayat: Jumlah Ayat	159 (77.56%) + 46 (22.44%) = 205 (100.00%)

Ini bererti penghubung ayat sebagai tema mendominasi HPN, 159 (77.56%), iaitu daripada tiga suku jumlah ayat berbanding dengan tema bukan penghubung ayat, 46 (22.44%). Hal ini menunjukkan bukan sahaja penghubung ayat menandakan awal ayat dalam keadaan teks Jawinya yang tanpa tanda baca titik malah berfungsi menghubungkan ayat yang sebelum dengan yang selepasnya dalam hubungan tautan yang berjarak dekat

Oleh itu, kefahaman lebih mudah dicapai sama ada pesan atau mesej yang terkandung dalam ayat yang terlibat bersifat makna tambahan, tentangan, sebab-musabab atau makna waktu. Ternyata juga lazimnya penghubung ayat tidak hadir di awal ayat pertama sebuah teks. Lihat contoh **Lampiran 1** yang di bawah berserta analisis daripada HPN:

Jadual 2: Analisis Daripada HPN

#[Alkisah ...]	Tema Frasa Nama (TFN)
[Maka...]	Penghubung Ayat Waktu dan Tema Penghubung Ayat (PH4 TPH)

Di sini ayat 1 dimulai dengan *Alkisah* sebagai tema jenis FN yang bukan penghubung ayat. Hanya pada Ayat 2, *Maka* muncul sebagai tema penghubung ayat. Dalam hal ini, penghubung ayat tersebut perlu menghubungkan mesej ayat pertama dengan mesej Ayat 2 dalam hubungan kognitif waktu. Namun, walaupun disebut lazimnya, hal kreativiti tidak ada

tepinya jika ilmu wacana dapat digarap sama oleh pengkarya. Sebagai contoh, jika hal tersebut berlaku, iaitu kehadiran penghubung ayat sebagai tema dalam ayat pertama, masih kekal fungsi penghubung ayat dengan sesuatu yang di luar teks dan dalam hal ini sesuatu itu bersifat eksoforik, iaitu rujukan di luar teks atau **konteks**.

Akan tetapi, keadaan tersebut masih mengekalkan makna pertentangan akliah. Jelasnya, kreativiti akan terpancar dengan sekadar meletakkan penghubung ayat di hadapan ayat pertama sebagai penanda dalam sesuatu karya, pengarang mengharapkan pembaca dapat mengesan adanya pertentangan yang disembunyikan dan ini menimbulkan rasa ingin tahu. Rasa ingin tahu ini juga diwujudkan oleh pengarang HPN tetapi kali ini yang bersifat endoforik sebagai lawan kepada eksoforik dan lebih-lebih lagi pula bukan **anaforik** bahkan kataforik. Endoforik merujuk kepada rujukan atau maklumat yang hadir dalam teks. Yang bersifat **anaforik** apabila yang dirujuk, iaitu **anteseden** berada di hadapan yang merujuk. Jika sebaliknya, yang merujuk berada di hadapan yang dirujuk, hubungan rujukan ini dinamakan kataforik.

Contohnya, ungkapan ...*diceterakan oleh orang yang empunya cetera ini* ... dalam ayat tersebut tidak diketahui nama orang bagi “*orang yang empunya cetera ini*” dan ini disebut sebagai yang merujuk. Yang dirujuk pula hadir di luar teks HPN, iaitu dalam bentuk **koteks** atau **interteks** sebagai catatan pengarang seperti yang dinyatakan di bawah:

Jadual 3: *Bentuk Koteks atau Interteks*

Petikan teks	Analisis
<i>Adapun yang empunya pekerjaan ini dan mengecapnya Encik Ahmad Shawal bin Abdul Hamid.</i>	Yang dirujuk di sini ialah <i>Encik Ahmad Shawal bin Abdul Hamid.</i>

Jika dilihat dari segi penggunaan jenis penghubung ayat, dapatan menunjukkan seperti dalam **Rajah 1** di bawah;

Jadual 4: Penggunaan Jenis Penghubung Ayat

Penghubung Ayat	Bilangan	Peratusan
PH1 ³	28	17.61%
PH2 ⁴	7	4.40%
PH3 ⁵	47	29.56%
PH4 ⁶	77	48.43%
Jumlah	159	100.00

PH4 paling tinggi, 77 (48.43%). Dikuti dengan yang kedua tertinggi, PH3 47 (29.56%). Dan seterusnya, PH1 28 (17.61%) dan yang terendah, PH2 7 (4.40%). Ternyata PH4 menguasai hampir separuh daripada penggunaan penghubung ayat. Ini menepati dugaan bahawa penulisan yang bersifat hikayat atau sejarah, latar waktu dan urutan peristiwa menjadi ciri penting. Pengarang hanya mengisi garis waktu dengan proses tindakan secara **linear**.

³ Penghubung Ayat Tambahan

⁴ Penghubung Ayat Tentangan

⁵ Penghubung Ayat Sebab-Musabab

⁶ Penghubung Ayat Waktu

Manakala, PH2 yang terendah menunjukkan pengarang sangat jarang menimbulkan konflik baik dari segi gagasan yang dikemukakan mahupun ‘watak Jebat’ yang penuh dengan pertentangan. Nikosa digambarkan sekadar menerima arahan daripada ayahnya tanpa bicara dan melaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Demikian juga dengan watak Pilina. Dia mengiakan dan melaksanakan nasihat Nikosa.

Dalam bahagian kajian lampau di atas, dicatatkan bahawa Jeniri Amir (2021) ada menyatakan: “... *bahawa beliau percaya **maka** digunakan beratus-ratus kali dalam HPN. Kalau beliau ada masa, beliau ingin menghitungnya.*”

Dan sebagai respons, dijanjikan bahawa kertas kerja ini insya-Allah akan mengira *maka* yang disebut penghubung ayat yang terdapat dalam HPN. Daripada kiraan itu, *maka* untuk PH1 sebanyak 9 kali, PH3 sebanyak 50 kali dan sebagai PH4 sebanyak 60 kali dan jumlah keseluruhannya 125. Ini tidaklah sampai beratus-ratus seperti yang dipercayai. Dalam hal ini, *maka* mempunyai makna tatabahasa atau fungsional sebagai maksud ‘tambahan’, ‘sebab-musabab’ dan ‘waktu’.

Dalam pada itu, dapatan di atas menyanggah pandangan Fatimah (2021) yang mengatakan: *...kata penghias atau penanda wacana seperti **alkisah**, **arakian** dan **syahadan**. Kata penghias atau penanda wacana itu dikatakan tidak mempunyai apa-apa makna.*

Bukan sekadar *maka* sebagai penanda wacana atau dalam kertas ini sebagai penghubung ayat yang mempunyai pelbagai makna, kata penghias atau penanda wacana yang lain juga mempunyai makna. Mungkin kerana itu dalam bentuk Bicara Pusaka Bangsa Siri 2/2021, beliau kena menjawabnya secara spontan dan mungkin beliau hanya merujuk kepada makna leksikal dan bukan makna tatabahasa atau makna fungsional. Dalam pada itu, HPN ada menggunakan *alkisah* dan *arakian* tetapi tidak dengan *syahadan*. Dan, dalam penelitian tentang HPN, *alkisah* mempunyai makna leksikal atau makna penuh, iaitu “ceritanya” dan dengan demikian bukan penghubung ayat. Dan *arakian* pula bermakna tatabahasa yang bermaksud “waktu”.

Secara perbandingan, di sini ditunjukkan penelitian penggunaan penghubung ayat dalam antologi *Awan Putih* (Kumpulan Sajak 1944-1951) dan *Suasana Senja* (Kumpulan Sajak 1995-2001) karya Masuri S.N pada 2008 oleh Sanat (2008). Penelitian itu mendapati *Awan Putih* mempunyai penghubung ayat tentangan yang paling tinggi dan diikuti dengan penghubung ayat tambahan dan yang terendah pula jenis penghubung ayat terusan. Manakala *Suasana Senja* pula yang tertinggi penghubung ayat waktu dan diikuti dengan penghubung ayat tentangan dan tambahan. Perbezaan ini menjelaskan ada hubungan penggunaan jenis penghubung ayat dengan zaman. Penyajak sebagai perakam dan penggerak masyarakat bersikap kritis pada zaman penjajahan dengan meniupkan kesedaran untuk berubah yang tergambar dalam penggunaan tertinggi dalam penghubung ayat tentangan sedangkan pada zaman tuanya pula daripada ketidakpuasan kepada pengisian kehidupan dengan penggunaan tertinggi penghubung ayat waktu. Dalam hal ini, pengarang HPN menggunakan penghubung ayat waktu tertinggi menggambarkan fenomena ini, iaitu pengisian kehidupan.

Penelitian terhadap penggunaan tema yang bukan penghubung ayat dalam HPN pula dapat ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 4: Penggunaan Jenis Penghubung Ayat

Aspek	Bilangan	Peratusan
PH ⁷	159	77.56%
TFN ⁸	7	3.41%
TFK ⁹	10	4.88%
TKET ¹⁰	21	10.24%
TKGT ¹¹	5	2.44%
TKT ¹²	2	0.98%
TKB ¹³	1	0.49%
Jumlah	205	100.00%

Ternyata PH tertinggi dalam jenis tema, iaitu 159 (77.56%). Kedua tertinggi TKET 21 (10.24%). Ketiga tertinggi pula TFK 10 (4.88%). Yang lain-lain kurang daripada 10, iaitu TFN 7 (3.41%), TKGT 5 (2.44%), TKT 2 (0.98%) dan yang terendah, TKB 1 (0.49%). Oleh sebab fungsi tema bersifat fokus dan fokus pula terletak di hadapan, PH menjadi calon yang terbaik dan tertinggi penggunaannya kerana dwifungsinya, iaitu menjadi penghubung dan pemfokus. PH tidak boleh berada di mana-mana kecuali di hadapan ayat. TKET pula sebagai mendukung makna leksikal, KET boleh pula berada di kedudukan hadapan ayat atau di belakang ayat.

Oleh itu, berpecah kedudukan dan tidak mampu mengatasi PH. FK sebagai unsur dalam TFK juga berpotensi seperti KET dari segi kedudukan dalam ayat. Boleh di awal, di tengah atau di akhir. Dengan demikian, kurang. Hal yang sama berlaku kepada FN sebagai unsur dalam TFN. KGT sebagai unsur dalam TKGT pun demikian. KT sebagai unsur dalam TKT dan KB dalam TKB pun demikian. Tambahan pula, KGT, KT dan KB maknanya jarang dipakai. Contohnya, KB *banyak* untuk menunjukkan kuantiti tidak sebanyak PH *maka* sebagai unsur dalam TPH.

KESIMPULAN

Jelaslah penghubung ayat sebagai tema mendominasi HPN, iaitu tiga suku daripada jumlah ayat berbanding dengan tema bukan penghubung ayat. Hal demikian mungkin kerana ciri PH itu sendiri dengan dwifungsinya, untuk membina hubungan dan hanya menempati kedudukan awal dalam ayat. Dengan sekali gus, hal ini memudahkan kefahaman kerana cirinya yang berjarak dekat.

Bahasa hikayat dapat dicirikan melalui penggunaan penghubung ayat. Dengan menggunakan penghubung ayat waktu yang demikian dominan, HPN menyumbang sebagai **indeks tentu hikayat** yang menepati dugaan bahawa penulisan yang bersifat hikayat atau sejarah, latar waktu dan urutan peristiwa menjadi ciri penting. Pengarang hanya mengisi garis waktu dengan proses tindakan secara linear. Hal ini diperkukuh dengan adanya hubungan penggunaan jenis penghubung ayat dengan zaman.

Ternyata tertinggi dalam jenis tema kerana dwifungsinya, iaitu menjadi penghubung

⁷ Penghubung Ayat

⁸ Tema Frasa Nama

⁹ Tema Frasa Kerja

¹⁰ Tema Keterangan

¹¹ Tema Ganti Nama

¹² Tema Kata Tanya

¹³ Tema Kata Bantu

dan pemfokus. Diusulkan supaya penghubung ayat dijadikan **indeks pelbagai genre**. Pendekatan ini telah dilakukan oleh Sanat Md. Nasir melalui artikel pada tahun 2008 dengan tajuk “Penanda Wacana dalam Pelbagai Genre”, terbitan Akademi Pengajian Melayu.

RUJUKAN

Halliday, M. A. K. (1985). *An introduction to functional grammar*. Edward Arnold.

Sanat Md.Nasir (2002). *Tautan dalam wacana bahasa Melayu akhbar: Analisis rencana pengarang Utusan Zaman (1957-1961)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sanat Md.Nasir (2008a). Karya Masuri S.N. dari sudut wacana. dlm. M. Abu Bakar & H. Rahmat (Eds.), *Kumpulan kertas kerja seminar Masuri S.N.* Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.

Sanat Md.Nasir (2008b). Penanda wacana dalam pelbagai genre. dlm. I. Zahid (Ed.), *Kuntum budi sumbangsih: Kumpulan makalah untuk Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim*.

Sanat Md.Nasir (2008c). Pengupayaan tatabahasa wacana bahasa Melayu di Malaysia dan Singapura. *Jurnal e-Utama*, 1, 83–92.